



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut: -


BIL.	NO. SEBUTHARGA	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN	DEPOSIT SEBUTHARGA (5%)
1.	MAIJ 3/901/2 (15/2026)	NISSAN TERRANO (JGA 5225)	1	RM2,000.00	RM100.00
2.	MAIJ 3/901/2 (16/2026)	TOYOTA HIACE WINDOW VAN (JHF 5522)	1	RM3,000.00	RM150.00
3.	MAIJ 3/901/2 (17/2026)	ISUZU 4x4 PICKUP (JLJ 2525)	1	RM4,000.00	RM200.00
4.	MAIJ 3/901/2 (18/2026)	HINO COASTER BUS (JNA 5225)	1	RM25,000.00	RM1,250.00
5.	MAIJ 3/901/2 (19/2026)	HINO COASTER BUS (JNA 5252)	1	RM25,000.00	RM1,250.00
6.	MAIJ 3/901/2 (20/2026)	NISSAN URVAN WINDOW VAN (JNP 2525)	1	RM10,000.00	RM500.00
7.	MAIJ 3/901/2 (21/2026)	NISSAN X-TRAIL 4WD 2.5L (A) (JNS 252)	1	RM10,000.00	RM500.00
8.	MAIJ 3/901/2 (22/2026)	HONDA ACCORD 2.4 (A) (JXL 7758)	1	RM65,000.00	RM3,250.00

1. Aset ini boleh dilihat sendiri pada **21 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)** hingga **21 OKTOBER 2026 (RABU)** di antara jam **10.00 pagi** hingga **3.00 petang** di **TEMPAT LETAK KENDERAAN, BANGUNAN MAAHAD TAHFIZ NEGERI JOHOR, JALAN NONG CHIK, 80100 JOHOR BAHRU, JOHOR.**
2. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 3. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
3. Pihak syarikat atau orang perseorangan yang ingin memasuki Sebutharga di atas dikehendaki mengeluarkan **DRAF BANK** yang dibuat atas nama **BAITULMAL JOHOR** sebagai bayaran dokumen Sebutharga.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No.Sebutharga MAIJ 3/901/2 (16/2026), MAIJ 3/901/2 (17/2026), MAIJ 3/901/2 (18/2026), MAIJ 3/901/2 (19/2026), MAIJ 3/901/2 (20/2026), MAIJ 3/901/2 (21/2026) atau MAIJ 3/901/2 (22/2026) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat: -

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TINGKAT 5, BLOK B,
PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR
JALAN MASJID ABU BAKAR
80000 JOHOR BAHRU.

5. Tarikh tutup sebutharga pada **29 OKTOBER 2026 (KHAMIS)** sebelum / pada jam **12.00 tengahari**. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI SHAFIEI BIN AHAMAD)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
Tarikh : **18 SEP 2026**



SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA (KENDERAAN)

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk **DRAF BANK** sahaja atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat. (*as-is-where-is basis*).
5. MAINJ tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya bertanggungjawab ke atas pengurusan dan segala pertukaran hak milik ke Jabatan Pengangkutan Jalan dan PUSPAKOM.
10. Pembeli yang berjaya hendaklah memadam apa jua bentuk catatan / tanda / logo berkaitan **MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR / MAINJ / HAK MAINJ** pada kenderaan.